

# MPP, Persada UMS dan Seranta jayakan SEMEGA di Tawau

HST 17.4.2014 18

KEPRIHATINAN dalam mencurahkan budi dan bakti terus menjadi amalan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menyebar luaskan ilmu kepada masyarakat setempat.

Terbaru, UMS melalui gabungan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada UMS) serta Jabatan Seranta (Felda) Negeri Sabah telah mengadakan Kembara Ilmu Selangkah ke Menara Gading (SEMEGA) di sembilan sekolah menengah daerah Tawau.

Menurut Presiden MPP, Fandyi Sanizan Jurup, program selama dua hari itu bertujuan memberi kesedaran kepada anak-anak tempatan untuk terus belajar bersungguh-sungguh sehingga

memasuki Institusi Pengajian Tinggi khususnya di UMS.

"Program yang berbentuk motivasi ini mengambil pendekatan dengan memberi perkongsian kehidupan kampus melalui tayangan video yang memaparkan cabaran dan keseronokan sebagai pelajar universiti.

"Perkongsian yang disampaikan sendiri oleh mahasiswa UMS ini sekali gus dilihat mampu menghapuskan persepsi bahawa belajar di universiti adalah sukar dengan pelbagai tekanan yang dihadapi," ujarnya ketika ditemui pemberita.

Dalam pada itu, mahasiswa UMS daripada kalangan anak-anak Felda turut teruja dalam menyertai program

Gambar-gambar menunjukkan keadaan Kembara Ilmu SEMEGA di beberapa sekolah menengah yang diadakan di daerah Tawau.



JAWATANKUASA ... Barisan mahasiswa UMS yang terlibat dalam Kembara Ilmu SEMEGA di Tawau baru-baru ini.

tersebut.

Tekad untuk menabur ilmu nyata terpancar pada wajah mereka apatah lagi berpeluang menjelajah Felda Umus Tawau sekali gus mengendali program tersebut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Umus-umas dengan penuh bersemangat.

Penglibatan generasi Felda ini turut memberi impak kepada program itu yang dijalankan serentak di SMK Tawau, SMK Kinabutan, SMK Jambatan Putih, SMK

Balung, SMK Tawau II, SMK Abaka, SMK Wakuba dan SMK Merotai.

Kerjasama dan sokongan padu Pejabat Pelajaran Daerah Tawau (PPD) selain sambutan memberangsangkan daripada semua pihak sekolah yang terlibat turut menjayakan lagi program tersebut.

Hadir sama pada program yang melibatkan 700 pelajar itu ialah Ketua Seranta (Felda) Negeri Sabah, Asmarah Rikun.

